

Berita Harian Oktober 2019

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1	Selasa 1 Oktober 2019	Aabar tak pernah suntik dana dalam syarikat usaha sama 1MDB	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	3
2	Rabu 2 Oktober 2019	Ketua audit dituduh rasuah RM17,600	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	4
3	Jumaat 4 Oktober 2019	Nik Faisal, Suboh, lepas tanpa dibebaskan kes saman berhubung penyata kewangan	Pegawai Pendakwa Raya SSM, Fazarul Ezhar Mohd Mokhtar	6
4	Isnin 7 Oktober 2019	Mencurigai Jho Low ketika beri keterangan kes 1MDB - Shahrol Azral	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	7
5	Isnin 7 Oktober 2019	Jho Low suruh padam semua komunikasi untuk lindungi The Boss - Shahrol Azral	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	9
6	Selasa 8 Oktober 2019	Shahrol Azral dilantik CEO TIA walaupun tiada pengalaman pengumpulan dana	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	12
7	Selasa 8 Oktober 2019	Jho Low penghubung 1MDB dan Najib - Shahrol Azra	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	14
8	Selasa 8 Oktober 2019	Nazir Razak sedia salur kerjasama dengan SPRM	Bekas Pengerusi CIMB Group, Datuk Seri Mohamed Nazir Razak	15
9	Khamis 10 Oktober 2019	Najib setuju TIA diambil alih Kerajaan Persekutuan	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	17
10	Khamis 10 Oktober 2019	Senarai penuh penerima dana 1MDB belum muktamad - SPRM	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	19
11	Ahad 13 Oktober 2019	Tampil dengan bukti	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Fuziah Salleh	21
12	Ahad 13 Oktober 2019	1MDB: Mahkamah benar lucut hak RM369,622	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	23
13	Rabu 16 Oktober 2019	Bakke arahkan panggilan telefon daripada Najib tidak direkodkan dalam minit mesyuarat	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	25

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
14	Jumaat 18 Oktober 2019	Hanya 8 setuju bayar kompaun-SPRM	Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki	27
15	Isnin 21 Oktober 2019	SPRM tahan Nasharudin, dituduh di mahkamah esok	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	29
16	Isnin 21 Oktober 2019	Kerjasama 1MDB dan PSI meninggalkan hutang AS\$700 juta	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	31
17	Khamis 24 Oktober 2019	Pejabat Jho Low kendali syarikat pakaian dalam akan dijual	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	33
18	Khamis 24 Oktober 2019	Najib adalah 1MDB, 1MDB adalah Najib - Shahrol Azral	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	35
19	Khamis 24 Oktober 2019	Teruskan perjanjian sebab 'bos' suruh laksanakan - Shahrol Azral	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	37
20	Selasa 29 Oktober 2019	Perjanjian usaha sama antara 1MDB, PSI dipinda - Shahrul Azral	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	39
21	Khamis 31 Oktober 2019	DoJ meterai perjanjian dengan Jho Low untuk kembali semula wang 1MDB	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	41

1. Aabar tak pernah suntik dana dalam syarikat usaha sama 1MDB

KUALA LUMPUR: Aabar Investment PJS Ltd tidak pernah menyuntik dana berjumlah AS\$3 bilion dalam syarikat usaha sama dengan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, berkata Aabar Investment sepatutnya menyuntik dana itu ke dalam Abu Dhabi Malaysia Investment Company Limited (ADMIC), iaitu syarikat yang tujuan khas untuk mengendalikan usaha sama itu.

Saksi pendakwaan kesembilan itu yang menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya Datuk Seri Gopal Sri Ram pada sesi pemeriksaan utama, berkata sepanjang ingatannya, Aabar Investment tidak pernah menyuntik dana bagi usaha sama pelaburan itu.

"Lagi pun ia berlaku sebelum saya tinggalkan 1MDB dan selepas itu saya tidak tahu.

"Namun saya difahamkan bahawa syarikat ADMIC tidak beroperasi dan Aabar Investment tidak menyuntik sebarang dana ke dalam ADMIC," katanya.

Dalam perjanjian usaha sama berkenaan, Aabar Investment dan 1MDB masing-masing akan menyuntik dana berjumlah AS\$3 bilion.

Perjanjian usaha sama itu ditandatangani kedua-dua pihak pada 12 Mac 2013 di Pejabat Perdana Menteri (PMO), Putrajaya.

Saksi kesembilan pendakwaan itu berkata, selepas terbitan bon oleh 1MDB berjumlah AS\$3 bilion melalui anak syarikatnya, 1MDB Global Invesment Ltd (1MDB GIL) pula, tiada dana yang disuntik ke dalam ADMIC seperti rancangan awal.

Shahrol Azral berkata, selepas dana AS\$3 bilion itu dimasukkan dalam 1MDB GIL, beliau tidak tahu ke mana aliran wang berkenaan.

Shahrol Azral berkata, ADMIC dicetuskan oleh ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low kononnya untuk menjadi 'special purpose vehicle' SPV (syarikat tujuan khas) kepada usaha sama Project Catalyze.

Beliau berkata, semua urusan digariskan dalam pelan perancangan Jho Low kepadanya melalui e-mel sulit.

"Jasmine Loo (peguam 1MDB) akan menguruskan penubuhan ADMIC seperti arahan Jho Low. ADMIC sebenarnya tidak aktif dan ia tidak dilaksanakan seperti yang dicadangkan," katanya.

2. Ketua audit dituduh rasuah RM17,600

KUALA LUMPUR: Ketua Audit Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas tuduhan menggunakan kedudukannya bagi meluluskan pembayaran RM17,600 menerusi sebut harga makanan, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Norazmi Jumali, 42, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Rozina Ayob sejurus pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah.

Mengikut kertas pertuduhan, Norazmi didakwa menggunakan kedudukannya sebagai Pengurus Kelab Kebajikan Sukan dan Rekreasi BSVN (Surea) untuk mendapatkan suapan iaitu meluluskan pembayaran sebanyak RM17,600 kepada isterinya, Norasmiza Rusli.

Tertuduh menggunakan sebut harga MyKitchen Food Delivery (Homemade Cook & Halal) bagi pembayaran makan tengah hari untuk petugas konservasi catan dinding 'Bas Relief' di Masjid Diraja Sultan Suleiman Klang, Selangor.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Lembaga Seni Visual, Jalan Tun Razak di sini pada 6 September 2016.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) Akta sama.

Jika sabit kesalahan tertuduh berdepan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.

Norazmi turut mengaku tidak bersalah atas tuduhan pilihan iaitu dengan curang menggunakan dokumen palsu sebagai tulen iaitu MyKitchen Food Delivery berjumlah RM17,600 bertarikh 31 Oktober 2016 yang mana diketahui bahawa ia adalah dokumen palsu.

Kesalahan itu dilakukan di tempat sama, antara Oktober dan November 2016.

Dia didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan dan dihukum di bawah Seksyen 465 Kanun sama yang membawa hukuman maksimum penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Farah Yasmin Salleh menawarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin selain memohon supaya pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah dan melapor diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Peguam Nor Azri Mohd Arif dalam rayuan meringankan jaminan memohon supaya mahkamah memberi jaminan antara RM4,000 hingga RM5,000 kerana anak guamnya mungkin digantung kerja.

"Sekiranya digantung kerja, tertuduh hanya diberi separuh gaji dan ini akan menyebabkan anak guam saya berdepan masalah kewangan kerana perlu menyara tujuh anak yang masih kecil.

"Walaupun terdapat dua pertuduhan tetapi saya percaya mahkamah boleh menetapkan satu saja jumlah jaminan kerana ia membabitkan pertuduhan dan saksi yang sama," katanya.

Rozina kemudian membenarkan tertuduh dijamin RM6,000 dengan seorang penjamin manakala pasport diserah kepada mahkamah.

"Nama tertuduh disenarai hitam ke luar negara dan notis akan dikeluarkan kepada Imigresen. Tertuduh juga diarahkan lapor diri di pejabat SPRM Putrajaya, setiap bulan," katanya.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 4 November 2019.

3. Nik Faisal, Suboh, lepas tanpa dibebaskan kes saman berhubung penyata kewangan

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) gagal menyerahkan saman berhubung penyata kewangan syarikat terhadap bekas Ketua Pegawai Eksekutif SRC International Sdn Bhd, Nik Faisal Ariff Kamil, bekas pengarah bukan eksekutif syarikat itu, Datuk Suboh Md Yassin dan syarikat Gandingan Mentari Sdn Bhd.

Sehubungan itu, Pegawai Pendakwa Raya SSM, Fazarul Ezhar Mohd Mokhtar, berkata pihaknya mendapat arahan daripada Timbalan Pendakwa Raya supaya ketiga-tiga mereka selaku orang kena saman (OKS) dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA).

"Pihak kami memohon kes ini di DNAA terhadap ketiga-ketiga OKS kerana saman masih tidak dapat diserahkan," katanya pada sebutan kes itu di hadapan Hakim Manira Mohd Nor.

Beliau berkata pihaknya akan memfailkan semula saman itu terhadap ketiga-tiga OKS supaya mereka mengemukakan penyata kewangan tahunan bagi tahun 2017 kepada SSM.

Gandingan Mentari, iaitu anak syarikat SRC, Nik Faisal dan Suboh, didakwa gagal menyerahkan penyata kewangan tahunan bagi 2017 dalam tempoh 30 hari seperti yang dikehendaki SSM mengikut Seksyen 68 (1) Akta Syarikat 2016.

Pada 20 Jun lalu, Suboh sebagai saksi pendakwaan ke-42 tampil memberi keterangan mengenai perbicaraan kes bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak yang didakwa menyelewengkan RM42 juta dana SRC International.

Perbicaraan kes penyelewengan dana SRC International itu berlangsung selama 58 hari bermula 3 April 2019 dengan pihak pendakwaan mengemukakan 57 saksi.

Nik Faisal yang juga individu penting dalam siasatan SPRM terhadap skandal 1MDB, gagal dikesan dan masih diburu oleh pihak berkuasa.

4. Mencurigai Jho Low ketika beri keterangan kes 1MDB - Shahrol Azral

KUALA LUMPUR: Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, tidak pernah meragui Jho Low sehingga siasatan membabitkan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) bermula pada 2015.

Shahrol Azral, 49, ketika disoal peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, pada sesi pemeriksaan balas, berkata perasaan curiga mula timbul selepas ditunjukkan dokumen aliran wang syarikat itu, ketika memberi keterangan mengenainya kepada pihak berkuasa.

Saksi pendakwaan kesembilan itu bagaimanapun berkata, beliau tidak ingat sama ada keterangan itu dibuat kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Mengimbas pertemuannya dengan Jho Low atau nama sebenarnya Low Taek Jho, saksi berkata ia berlaku pada 2007 yang ketika itu ahli perniagaan dalam buruan polis itu adalah salah seorang pelanggannya.

Menurut saksi, ketika itu beliau bekerja perunding di firma perunding Accenture, manakala Jho Low (ketika itu) pula Pengarah Urusan di Utama Banking Group (UBG).

Katanya, kali pertama bertemu, tanggapannya terhadap Jho Low adalah beliau seorang petah berbicara, cepat faham dengan isu yang dibincangkan dan mempunyai pengetahuan dalam tugasnya.

"Pandangan pertama saya, Jho Low sering lewat setiap kali kami mengadakan pertemuan, tetapi beliau seorang yang pandai bercakap dan cepat faham.

"Seingat saya, sebelum mengadakan pertemuan, Jho Low menghantar pesanan ringkas kepada saya menyatakan hasratnya untuk bertemu.

"Ia bertujuan mengadakan perbincangan berhubung syarikat (UBG) berkaitan projek bernilai jutaan ringgit," katanya

Shahrol Azral berkata, seingat beliau, Jho Low memperoleh nombor telefonnya daripada seorang teman ketika di Stanford University Amerika Syarikat (AS), yang dikenali sebagai Azran.

Saksi itu dalam keterangan sebelum ini berkata, Jho Low menjemputnya menyertai Lembaga Pelaburan Terengganu Berhad (TIA) selepas bekerjasama dalam projek membabitkan UBG.

Shahrol Azral berkata, Jho Low melihatnya sebagai seorang yang mendengar arahan dan tidak banyak soal dan ia berkemungkinan adalah penyebab beliau (saksi) dijemput menyertai TIA.

Muhammad Shafee: Berdasarkan pernyataan saksi, kamu menyatakan Jho Low membuat penilaian ke atas karakter kamu. Boleh jelaskan?

Shahrol Azral: Kemungkinan Jho Low melabel saya sebagai... agak sukar untuk saya cari perkataan yang sesuai dan apa yang ada dalam fikiran saya bukan 'kepochi' atau kata lain 'busybody' (penyibuk).

Muhammad Shafee: Adakah Jho Low suka dengan 'watak' kamu yang hanya mendengar arahan... dan tidak tahu apa pengakhirannya?

Shahrol Azral: Tidak. Saya mendengar arahan dan dapatkan maklumat untuk peroleh hasil (kerja) yang baik. Saya juga akan meminta individu yang saya percaya untuk semak semula.

Sementara itu, Shahrol Azral mengakui beliau pernah dikenakan larangan perjalanan ke luar negara, bagaimanapun tidak mengetahui kenapa disenarai hitam dan tidak pernah bertanya pihak berkuasa alasannya.

Katanya, beliau mengandaikan ia disebabkan isu 1MDB yang terbongkar dan dilaporkan media, lebih-lebih lagi beliau antara pengurusan kanan syarikat terbabit.

Shahrol Azral juga berkata, Boston Consulting Group dilantik bagi merangka penubuhan TIA yang bekerjasama dengan firma pengurusan pelaburan Goldman Sachs Global (GS Global).

Beliau berkata, penubuhan TIA adalah bagi mewujudkan pembangunan lestari untuk Terengganu dan ke seluruh negara yang memfokuskan kepada industri minyak dan gas, pelancongan, harta tanah dan pertanian.

Sementara itu, Muhammad Shafee mencadangkan bahawa Najib tidak terbabit dengan penubuhan TIA sejak dari awal lagi kerana firma Golman Sachs Global sebelum itu sudah dikenal pasti sebagai rakan kerjasama berpotensi bagi lembaga pelaburan itu, selain daripada syarikat perunding Boston Consulting, JP Morgan dan McKinsey.

Shahrol Azral bersetuju dengan cadangan peguam bahawa Najib tidak terbabit dengan penubuhan TIA dan bersetuju bahawa idea penubuhan TIA ialah daripada Yang di-Pertuan Agong ketika itu, Sultan Mizan Zainal Abidin.

Muhammad Shafee seterusnya mencadangkan bahawa idea TIA bermula apabila Jho Low membawa Yang di-Pertuan Agong untuk menyaksikan Dana Berdaulat Abu Dhabi Mubadala Investment Co, dan Najib langsung tidak terbabit pada ketika itu.

Shahrol Azral bagaimanapun menjawab; "Tidak tahu sebab saya tidak tahu apa yang dinyatakan oleh Jho Low kepada Najib."



Shahrol Azral hadir pada perbicaraan bagi kes rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan dana 1MDB oleh Najib di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur.

5. Jho Low suruh padam semua komunikasi untuk lindungi The Boss - Shahrol Azral

KUALA LUMPUR: Ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low, mengarahkan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Shahrol Azral Ibrahim Halmi untuk memadamkan semua komunikasi antara mereka bagi melindungi 'The Boss'.

Shahrol Azral, 49, yang juga saksi pendakwaan kesembilan dalam keterangannya berkata 'The Boss' yang dimaksudkan oleh Jho Low merujuk kepada Datuk Seri Najib Razak.

Saksi itu berkata, Jho Low mengarahkan beliau untuk memadamkan semua bukti komunikasi elektronik dan memusnahkan dokumen termasuk e-mel dan log perbualan BlackBerry Messenger (BBM) antara mereka.

"BBM ketika itu adalah komunikasi atas talian paling selamat dan Jho Low menghadiahkan saya telefon bimbit BlackBerry," katanya.

Menjawab soalan peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib pada sesi pemeriksaan balas berhubung tindakan Jho Low menghadiahkannya telefon itu, Shahrol Azral menjawab; "Beliau mengetahui saya menyukai teknologi."

"Jho Low juga mahukan pasukannya berkommunikasi secara selamat.

"Pada 2014 apabila keadaan menjadi semakin tegang (apabila semua pihak memperkatakan mengenai 1MDB), kami akan menggunakan BBM dan Skype untuk panggilan telefon.

"Jho Low beritahu, hanya komunikasi BBM yang tidak boleh dikesan," katanya.



Jho Low mengarahkan Shahrol Azral untuk memadamkan semua komunikasi antara mereka bagi melindungi 'The Boss'. - Foto fail

Sementara itu, Shahrol Azral menafikan cadangan Muhammad Shafee bahawa beliau menerima ugutan untuk menyatakan apa yang dikemukakan di mahkamah.

Shahrol Azral juga menafikan beliau pernah diugut untuk dikenakan tindakan pelucutan hak sivil kerana cuai dalam pengurusan 1MDB.

Muhammad Shafee: Adakah akaun bank kamu dibekukan?

Shahrol Azral: Hanya akaun Maybank saya untuk dua bulan dibekukan iaitu pada bulan Jun atau Mei 2018.

Muhammad Shafee: Bila kamu tahu?

Shahrol Azral: Saya hanya mengetahui akaun dibekukan ketika mahu membuat pembayaran bil secara dalam talian. Saya kemudian menghubungi pihak bank dan mereka memberikan saya nombor Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk dihubungi. Mereka menyarankan saya untuk menulis kepada SPM untuk memohon supaya akaun berkenaan tidak dibekukan.

Muhammad Shafee: Adakah harta kamu disita?

Shahrol Azral: Tidak

Muhammad Shafee: Ada mana-mana pihak memulakan prosiding pelucutan hak terhadap kamu?

Shahrol Azral: Tidak.

Muhammad Shafee: Adakah sesiapa daripada SPRM mengugut bahawa kamu boleh didakwa atas kecuaian pengurusan 1MDB?

Shahrol Azral: Tidak.

Shahrol Azral berkata, bagaimanapun pada penghujung 2018, Ashwin J Valiram, yang juga salah seorang Ahli Lembaga Pengarah 1MDB menghubunginya dan memberitahu bahawa Kementerian Kewangan merancang untuk mengambil tindakan terhadap pengurusan dan Ahli Lembaga Pengarah 1MDB.

Saksi itu berkata, beliau tidak mengesahkan perkara itu daripada kementerian.

Ditanya Muhammad Shafee apa tindakan yang diambil kementerian terhadap 1MDB, saksi itu menjawab: "Belum lagi, kita tak tahu apa akan jadi nanti."

Ditanya sama ada beliau bimbang dengan caranya menjawab soalan di mahkamah dan pihak berkuasa akan mengambil tindakan terhadapnya, Shahrol Azral menegaskan beliau tidak bimbang kerana menyatakan apa yang benar.

Saksi itu turut memberitahu mahkamah, beberapa pihak dalam UMNO dengki dengan Jho Low kerana mempunyai pengaruh dan ada akses terhadap Najib.

Beliau berkata, Jho Low sehubungan itu mahukan pembabitannya dalam 1MDB tidak terlalu menonjol supaya tidak menjaskan Najib dalam UMNO.

Muhammad Shafee: Kamu dan Tan Sri Ismee Ismail (bekas Pengurus Lembaga Pengarah 1MDB) secara terbuka melantik Jho Low sebagai penasihat, maknanya tiada masalah imej Jho Low tidak boleh ditonjolkan?

Shahrol Azral: Ya.

Muhammad Shafee: Bila ia menjadi masalah?

Shahrol Azral: Ini pemerhatian saya, ia mula menjadi masalah apabila Najib menjadi pemegang saham dalam 1MDB. Jadi masuk akal apabila Jho Low beritahu saya pembabitannya tidak boleh ditonjolkan supaya tidak menjaskan Najib.

Shahrol Azral berkata, tidak ramai yang mengetahui pembabitan Jho Low dalam hubungan Najib dan Arab Saudi, Abu Dhabi serta China di antara tahun 2009 dan 2011.

Saksi bersetuju dengan cadangan Muhammad Shafee bahawa beliau meyakini ia adalah Jho Low yang 'membuka pintu' kepada ketiga-tiga negara itu.



SAKSI pendakwaan, bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1Malaysia Development Bhd (1MDB), Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi hadir pada perbicaraan bagi kes rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan dana 1MDB, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur

6. Shahrol Azral dilantik CEO TIA walaupun tiada pengalaman pengumpulan dana

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini diberitahu, bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, dilantik sebagai CEO Lembaga Pelaburan Terengganu Berhad (TIA) walaupun tiada pengalaman dalam bidang pengumpulan dana (fund raising).

Shahrol Azral 49, berkata pelantikannya dibuat melalui pilihan Ahli Lembaga Pengarah (BOD), di mana pada peringkat permulaan beliau langsung tidak berharap untuk menjawat jawatan itu.

Saksi pendakwaan kesembilan itu berkata beliau menyedari tiada pengalaman dalam bidang pengumpulan dana, bagaimanapun ahli perniagaan dalam buruan polis, Low Taek Jho atau Jho Low, masih mengajaknya untuk menyertai TIA.

"Melalui pelantikan oleh BOD itu, Saya dipanggil ke istana untuk menghadap Yang di- Pertuan Agong (ketika itu) Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin.

"Saya diperkenalkan kepada Tuanku Mizan dan saya menerima tawaran untuk menyertai TIA kerana mengikut kehendak BOD untuk membangunkan negeri Terengganu.

"Sekiranya saya tidak layak dari beberapa aspek, orang tidak akan 'recommend' (mencadangkan) nama saya," katanya.

Shahrol Azral bersetuju dengan peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib, bahawa bahawa individu yang membuat cadangan itu adalah merujuk kepada Jho Low.

Disoal mengenai sama ada beliau itu bercakap atau tidak dengan Sultan Mizan, saksi itu menjawab, "tiada."

Menjelaskan lanjut, Shahrol Azral berkata beliau tidak berpeluang memberitahu Sultan Mizan bahawa dia tiada pengalaman dengan pengumpulan dana.

Muhammad Shafee: Ada sesiapa di situ tidak benarkan kamu bercakap?

Shahrol Azral: Bukan sebab itu tetapi saya tidak membuat sebarang persediaan. Ini adalah kali pertama saya memasuki istana dan menghadap Yang di-Pertuan Agong.

Perbicaraan kes rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan penyelewengan dana 1MDB RM2.3 bilion yang dihadapi bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak memasuki hari ke-18 hari ini.

Perbicaraan di hadapan Hakim Collin Lawrence Sequerah sedang berlangsung.

7. Jho Low penghubung 1MDB dan Najib - Shahrol Azra

KUALA LUMPUR: Ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau lebih dikenali sebagai Jho Low, adalah satu-satunya penghubung antara syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan ketua pegawai eksekutifnya serta Datuk Seri Najib Razak selaku pemegang saham tunggal.

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi menjelaskan, disebabkan peranannya itu, Jho Low hadir pada mesyuarat bersama Bank Negara Malaysia (BNM) walaupun tidak dijemput.

Saksi pendakwaan kesembilan itu berkata beliau hanya diberitahu mengenai nasihat rasmi yang diberikan BNM daripada Jho Low dan bekas Pengurus Perhubungan Ambank, Joanna Yu.

Menjawab soalan peguam, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, yang mewakili Najib pada sesi pemeriksaan balas, Shahrol Azral berkata beliau bagaimanapun tidak memberitahu Lembaga Pengarah (BOD) 1MDB yang dia (saksi) tidak hadir pada mesyuarat berkenaan.

Katanya, beliau juga tidak memberikan bayangan kepada BOD bahawa Jho Low dan Joanna yang hadir pada mesyuarat itu.

Saksi turut mengakui beliau tidak memberitahu BOD bahawa Jho Low dan Joanna yang mendapat nasihat rasmi daripada BNM.

Muhammad Shafee: Ada pada bila-bila masa beritahu BOD?

Shahrol Azral: Ini kali pertama

Muhammad Shafee: Pada mesyuarat itu, Jho Low tidak dijemput?

Shahrol Azral: Ya

Muhammad Shafee: Pada 10 Oktober 2009, siapa pemegang saham?

Shahrol Azral: Menteri Kewangan Diperbadankan (MOF Inc)

Shahrol Azral bagaimanapun bersetuju dengan cadangan Muhammad Shafee bahawa ketika pelaksanaan bon Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) terbitan Lembaga Pelaburan Terengganu Berhad (TIA), MOF Inc belum menjadi pemegang saham syarikat itu, yang kemudian dikenali dengan nama 1MDB.



Bekas Pengerusi CIMB Group, Datuk Seri Mohamed Nazir Razak

8. Nazir Razak sedia salur kerjasama dengan SPRM

KUALA LUMPUR: Bekas Pengerusi CIMB Group, Datuk Seri Mohamed Nazir Razak, bersedia menyalurkan kerjasama berhubung notis kompaun Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) susulan isu penyalahgunaan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) bernilai RM25.7 juta.

Beliau menjelaskan, penyaluran 'dana misteri' ke akaun peribadinya pada 2013 itu pada mulanya dikatakan diperoleh daripada sumbangan politik yang sahih dan bertujuan bagi menampung perbelanjaan kempen Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

"(Bekas Perdana Menteri) Datuk Seri Najib (Razak) memindahkan dana bernilai RM25.7 juta ke akaun saya pada 2013, sebelum ia diagihkan sepenuhnya kepada wakil Najib, dan saya difahamkan peruntukan berkenaan adalah untuk tujuan kempen pilihan raya.

"Tidak ada sesen pun daripada dana terbabit disalurkan atau digunakan oleh saya. Pada ketika itu, saya menaruh kepercayaan kepada permintaan abang bagi membantunya dalam proses berkempen.

"Turut dimaklumkan ketika itu bahawa peruntukan terbabit ialah daripada sumber pendanaan politik yang sahih, justeru saya tidak mempunyai sebab untuk rasa curiga dengan memikirkan perkara sebaliknya," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya, semalam mendedahkan Mohamed Nazir adalah antara 80 individu dan entiti yang akan menerima notis kompaun kerana dipercayai menerima dana daripada 1MDB.

Notis kompaun terhadap semua pihak terbabit dikeluarkan mengikut Seksyen 92 (1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATPUAA 2001).

Apabila kaitan langsung antara dana 1MDB dan Najib dilaporkan media pada April 2016, Mohamed Nazir menjelaskan, beliau nekad bercuti dan berundur daripada menyandang jawatan di CIMB untuk sementara waktu bagi memberi laluan kepada pihak bank mengendalikan proses penelitian semula kes terbabit.

"Mereka (CIMB) berbuat demikian dengan dibantu oleh firma perakaunan dan perundangan. Saya kemudian 'dibersihkan' daripada sebarang salah laku dan diundang kembali dalam jawatan di lembaga.

"Saya menghormati sepenuhnya semua usaha SPRM untuk mendapatkan semula dana 1MDB, justeru saya beri kerjasama sebaik mungkin bagi membantu mereka," katanya.



Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi hadir di Mahkamah Tinggi Jenayah 1, Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur.

9. Najib setuju TIA diambil alih Kerajaan Persekutuan

KUALA LUMPUR: Pengambilalihan Lembaga Pelaburan Terengganu (TIA) yang kemudian dinamakan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) oleh Kerajaan Persekutuan dipersetujui bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Ahli perniagaan kontroversi yang menjadi buruan pihak berkuasa, Low Taek Jho atau lebih dikenali sebagai Jho Low memaklumkan mengenai persetujuan Najib kepada bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi.

Shahrol Azral memberikan keterangan itu ketika dirujuk dengan surat dikemukakan kepadanya oleh Najib yang menyokong pengambilalihan TIA oleh Kerajaan Persekutuan bertarikh 25 Jun 2009.

Saksi kesembilan pendakwaan yang disoal peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah menjelaskan, pada ketika itu beliau agak kelam kabut dan cuba mendapatkan penjelasan daripada Jho Low berhubung apa yang dimahuakan Najib.

Bagaimanapun, saksi itu berkata, Jho Low sebelum itu sudah memberitahunya bahawa Najib sudah bersetuju dengan transformasi TIA kepada 1MDB.

Muhammad Shafee mencadangkan kepada saksi, bahawa sebelum surat itu dikeluarkan, tiada Kertas Kabinet atau sebarang dokumen menunjukkan keputusan bertulis Perdana Menteri atau Kabinet yang mahukan TIA diambil alih Kerajaan Persekutuan.

Shahrol Azral menjawab, pada ketika itu, beliau tidak mengetahui apa-apa mengenai keputusan Kabinet.



Latheefa berkata, senarai yang dikemukakan SPRM baru-baru ini adalah bagi individu yang didakwa menerima RM500,000 dan ke atas

10. Senarai penuh penerima dana 1MDB belum muktamad - SPRM

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menegaskan, senarai penuh pihak yang dikenakan kompaun berkaitan penerimaan dana daripada 1Malaysia Development Berhad (1MDB) belum dimuktamadkan.

Penegasan itu dibuat sebagai menjawab persoalan ditimbulkan bekas Ahli Parlimen Johor Bahru, Tan Sri Shahrir Samad, mengenai Ahli Parlimen Masjid Tanah, Datuk Mas Ermieyati Samsudin, tidak berada dalam senarai berkenaan sedangkan namanya pernah dilapor portal Sarawak Report.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya, berkata senarai yang dikemukakan SPRM baru-baru ini adalah bagi individu yang didakwa menerima RM500,000 dan ke atas.

"SPRM memberi keutamaan kepada jumlah yang lebih besar manakala kriterianya adalah jumlah wang terbabit, bukan perkara lain.

"Kita akan mengambil tindakan secara rapi dan teratur, selain terus mengambil langkah mendapatkan kembali wang 1MDB yang juga milik rakyat secara berperingkat tanpa memihak kepada sesiapa," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Kenyataan itu merujuk dakwaan kononnya SPRM menggugurkan nama Mas Ermieyati daripada senarai 80 individu dan entiti yang dikenakan kompaun berkaitan kes 1MDB.

Pada sidang media di ibu pejabat SPRM Isnin lalu, Latheefa mendedahkan 80 individu dan entiti termasuk bekas Pengurus CIMB Group, Datuk Seri Mohamed Nazir Razak, akan menerima notis kompaun kerana dipercayai menerima dana daripada 1MDB.

Notis kompaun terhadap semua pihak terbabit dikeluarkan mengikut Seksyen 92 (1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATPUAA 2001).

Shahrir sebelum ini dilaporkan berkata, hanya nama beliau dan Ahli Parlimen Pontian, Datuk Ahmad Maslan, berada dalam senarai itu sedangkan pada Ogos 2015, nama Mas Ermieyati turut disebut Sarawak Report

11. Tampil dengan bukti

TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Fuziah Salleh (tengah) beramah mesra bersama komuniti India ketika hadir merasmikan Sambutan Deepavali 2019 Peringkat Pahang di SJKC Chung Ching Jln Tanah Putih

KUANTAN: Penulis yang mendakwa ada unsur rasuah dalam proses permohonan dan pengeluaran sijil halal perlu memberi bukti kukuh bagi menyokong dakwaannya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Fuziah Salleh, berkata tuduhan yang dibuat oleh penulis artikel, keronnya pegawai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) meminta bayaran RM50,000 bagi tujuan pendaftaran premis pemprosesan daging halal, di Kuala Lumpur adalah serius.

Katanya, penulis yang mempertikai integriti dan kompetensi pegawai JAKIM berkaitan pensijilan halal mestilah menyerahkan bukti kepada pihak berkuasa.

"Sepatutnya tidak boleh tulis perkara sebegini jika tiada bukti. Tetapi jika ada bukti, penulis artikel itu perlu tampil kepada pihak berkuasa.

"Sepatutnya tohmahan itu tidak dilakukan kerana JAKIM amat menjaga integriti sijil halal," katanya dalam sidang media selepas merasmikan 56th Deepavali Children Party 2019, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas berhubung artikel bertajuk 'Malaysia Halal Crisis' oleh Murray Hunter di laman sesawang Asia Sentinel, bertarikh 10 Oktober lalu yang mendakwa berlakunya isu integriti kakitangan JAKIM, dalam proses pensijilan halal Malaysia.

Menurut laporan itu, antara kes integriti itu membabitkan seorang penjual daging dari Lubnan yang mendakwa membatalkan hasratnya melabur di Malaysia, selepas pegawai JAKIM meminta RM50,000 sebagai pembayaran pendaftaran.

Fuziah berkata, JAKIM hanya terbabit dengan berkenaan pensijilan halal, manakala pembangunan industri halal di bawah agensi lain.

"JAKIM sememangnya menjaga semua aspek dalam segala proses pensijilan halal. Tetapi saya yakin, pihak yang mengeluarkan laporan itu sengaja untuk mencalarkan integriti JAKIM," katanya.

12. 1MDB: Mahkamah benar lucut hak RM369,622

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini, hari ini memerintahkan wang berjumlah RM369,622 dari akaun milik Naza Quest Auto Sdn Bhd dan Ahli Parlimen Maran, Datuk Seri Dr Ismail Abdul Mutalib yang mempunyai kaitan dengan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) diserah kepada kerajaan Malaysia.

Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali membuat keputusan itu selepas membenarkan permohonan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Allan Suman Pillai berikutan tiada pihak ketiga hadir ke mahkamah untuk menuntut wang itu sekali gus bersetuju untuk dilucut hak.

Allan berkata, wang yang dibekukan dari akaun Naza Quest berjumlah RM269,622 manakala Ismail pula berjumlah RM100,000 kini menjadi hak kerajaan Malaysia.

"Selepas pihak kerajaan menerima semua wang itu, pendakwaan akan menarik semula permohonan kepada dua responden terbabit," katanya.

Permohonan melucut hak itu dibuat pendakwaan mengikut Seksyen 56 (1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001.

Peguam Md Yunos Sharif yang mewakili Naza Quest selaku responden tidak mengemukakan sebarang bantahan terhadap pelucutan hak wang yang berkait dengan penyiasatan 1MDB itu.

Bagi Ismail pula, persetujuan beliau dikemukakan melalui surat bertarikh 24 Jun 2019 yang dialamatkan ke Mahkamah Tinggi.

Sementara itu, Mohd Nazlan menetapkan tarikh perbicaraan pada 22 November, 13 November dan 5 November depan membabitkan tiga lagi entiti iaitu, Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Badan Perhubungan UMNO Kedah dan Habib Jewels Sdn Bhd.


"Pihak pendakwaan sudah mewartakan untuk kehadiran pihak ketiga pada hari ini. Bagaimanapun tiada pihak ketiga yang hadir.

"Justeru, kami memohon supaya mahkamah menetapkan tarikh perbicaraan," katanya.

Sehingga hari ini sebanyak lapan daripada 41 entiti telah menyerahkan wang dari akaun masing-masing kepada kerajaan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Latheefa Koya sebelum ini berkata permohonan pelucutan hak sudah difaiklan terhadap 41 responden untuk memperoleh semula dana kira-kira RM270 juta yang mempunyai kaitan dengan 1MDB.

Latheefa berkata tindakan itu diambil mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLA) yang SPRM percaya wang berkenaan dipindahkan daripada akaun bank bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.



13. Bakke arahkan panggilan telefon daripada Najib tidak direkodkan dalam minit mesyuarat

KUALA LUMPUR: Bekas Pengarah dan Pengerusi 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Tan Sri Mohd Bakke Salleh, mengarahkan panggilan telefon daripada Datuk Seri Najib Razak berhubung usaha sama di antara 1MDB dan PetroSaudi International Ltd tidak direkodkan dalam Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah.

Mesyuarat Lembaga Pengarah itu adalah bagi menentukan langkah seterusnya syarikat pelaburan strategik itu sama ada untuk meneruskan usaha sama berkenaan atau sebaliknya.

Menceritakan lanjut mengenai arahan Mohd Bakke itu, bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, memberitahu Mahkamah Tinggi, Mohd Bakke menerima panggilan daripada Najib ketika mesyuarat bersama Ahli Lembaga Pengarah 1MDB pada 26 September 2009 sedang berlangsung.

Mengikut saksi pendakwaan kesembilan itu, mesyuarat berkenaan turut dihadiri ahli perniagaan, Low Taek Jho atau lebih dikenali dengan nama Jho Low.

"Ketika kami berkumpul dalam mesyuarat itu, saya nampak Jho Low sedang bercakap melalui telefon dengan seseorang dan terus memberikan telefon kepada Mohd Bakke.

"Bagaimanapun, Mohd Bakke meminta supaya panggilan telefon itu tidak direkodkan dalam Minit Mesyuarat.

"Kemudian saya cadangkan supaya mesyuarat itu dirakamkan secara audio, tetapi Mohd Bakke tidak bersetuju juga," katanya.

Ditanya Muhammad Shafee, siapa yang menjemput Jho Low hadir mesyuarat itu, Shahrol Azral menjawab, "Saya yang menjemput Jho Low."

Tujuan menjemput Jho Low menurut Shahrol Azral, adalah memintanya menjelaskan secara terus kepada Ahli Lembaga Pengarah mengenai PetroSaudi International Ltd dan bagaimana transaksi G2G (kerajaan kepada kerajaan).

"Kami kemudian membentangkan dapatan dan membuat persetujuan bersama mengenai perjanjian Joint Venture (usaha sama) PSI," katanya.



14. Hanya 8 setuju bayar kompaun-SPRM

PUTRAJAYA: Hanya lapan daripada 80 individu dan entiti yang menerima notis kompaun Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki menerima dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang diselewengkan, sudah bersetuju membayar kompaun.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki, berkata 40 peratus daripada mereka pula mahu mengambil tindakan mahkamah terhadap SPRM.

"Sebanyak 45 peratus lagi menghantar surat rayuan kepada SPRM, manakala tiga individu tidak mahu menerima notis kompaun terbabit," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat SPRM, di sini, hari ini.

Pada 7 Oktober lalu, SPRM mengeluarkan notis kompaun terhadap 80 individu dan entiti dipercayai menerima dana 1MDB yang diselewengkan.

Notis itu dikeluarkan mengikut Seksyen 92(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

Keseluruhan wang disyaki diterima semua individu dan entiti terbabit dianggarkan RM420 juta dengan masing-masing membabitkan antara RM100,000 hingga RM134 juta.

Antara berada dalam senarai itu ialah bekas Pengurus CIMB Group, Datuk Seri Mohamed Nazir Razak; bekas Setiausaha Politik kepada bekas Perdana Menteri, Tan Sri Mohamad Fatmi Che Salleh; Ahli Parlimen Pontian, Datuk Seri Ahmad Maslan; dan bekas menteri, Tan Sri Shahrir Abdul Samad.

Mengulas lanjut, Azam menegaskan, SPRM mengeluarkan notis itu mengikut undang-undang dan jika ada yang mempertikaikan jumlah serta pengiraan bagi menentukan kompaun, terpulang kepada pihak terbabit untuk mengambil tindakan lanjut.

Sementara itu, beliau berkata, SPRM menubuhkan pasukan khas, baru-baru ini, bagi membuat penyelarasan dan mengesan semua aset serta wang milik 1MDB di luar negara.

"Pasukan ini sedang cuba mengesan di mana aset 1MDB berada dan pihak mana yang perlu bekerjasama seperti di Amerika Syarikat serta New Zealand.

"Pasukan ini akan menghubungi penyiasat di negara berkenaan untuk berbincang dan berusaha mendapatkan semula aset dan wang milik 1MDB di sana," katanya.

Beliau berkata, pihaknya tidak dapat menganggarkan jumlah sebenar aset dan wang milik 1MDB di luar negara, namun usaha mengesannya giat dijalankan.



BEKAS Timbalan Presiden PAS, Datuk Dr Nasharudin Mat Isa

15. SPRM tahan Nasharudin, dituduh di mahkamah esok

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini menahan Datuk Dr Nasharudin Mat Isa selepas bekas Timbalan Presiden PAS itu hadir memberi keterangan dipercayai berhubung siasatan dakwaan pemberian wang RM90 juta kepada pemimpin PAS.

Beliau yang juga Pengurus Eksekutif Yayasan Gerakan Kesederhanaan Global (YGMM), ditahan kira-kira jam 2 petang di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya selepas diminta hadir melengkapkan proses siasatan akhir SPRM.

SPRM dalam satu kenyataan, berkata pihaknya sudah mendapat izin daripada Peguam Negara bagi menuduh Nasharudin di Mahkamah Sesyen Shah Alam, pada jam 9 pagi esok.

Difahamkan, ahli politik itu akan menghadapi pertuduhan mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001 dan Kanun Keseksaan.

"Nasharudin dilepaskan dengan jaminan SPRM selepas ditahan. Kesemua butiran berkaitan kes ini akan dimaklumkan esok selepas pertuduhan dibacakan," kata SPRM.

Nasharudin sebelum ini adalah antara pemimpin politik yang dipanggil SPRM berhubung siasatan kes penerimaan wang RM90 juta dan beliau hadir ke pejabat SPRM pada Februari lalu untuk membantu siasatan.

Dalam siasatan itu, beliau menyerahkan dokumen termasuk penyata kewangan dan akaun bank peribadi serta YGMM sebagai bukti bagi menyokong keterangannya.

Pada 2017, Rafizi Ramli yang ketika itu Ahli Parlimen Pandan, membuat akuan bersumpah mendakwa Nasharudin pernah menerima dana berkait 1MDB.

Nasharudin bagaimanapun menafikan dakwaan itu dengan mengatakan ia sebagai tidak berasas, selain mendakwa ia satu fitnah terhadap beliau dan PAS.

Selain itu, Datuk Husam Musa yang juga Pengurus Pakatan Harapan (PH) Kelantan, sebelum ini turut mendakwa beliau mempunyai butiran mengenai dana RM90 juta yang didakwa ada kaitan dengan PAS.

Editor Sarawak Report, Clare Rewcastle Brown, dalam artikelnya yang diterbitkan portal berkenaan, sebelum ini mendakwa ada pemimpin tertinggi PAS mungkin menerima RM90 juta untuk mendorong parti itu bekerjasama dengan UMNO dan Barisan Nasional (BN).

Isu terbabit timbul semula apabila Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, pada 1 Februari lalu membuat keputusan memuktamadkan penyelesaian di luar mahkamah dengan menarik balik tuntutan terhadap Rewcastle Brown berhubung artikel mengandungi tuduhan itu.



BEKAS Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi ketika ditemui di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur. -

16. Kerjasama 1MDB dan PSI meninggalkan hutang AS\$700 juta

KUALA LUMPUR: Perjanjian usaha sama di antara 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan PetroSaudi International Ltd (PSI) meninggalkan hutang berjumlah AS\$700 juta.

Ia berpunca daripada pindahan dana yang dibuat 1MDB kepada Good Star Ltd, iaitu syarikat yang dikatakan milik ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau lebih dikenali dengan nama Jho Low.

Beban hutang AS\$700 juta itu berlaku selepas syarikat usaha sama masih dimiliki PSI.

Perkara itu didedahkan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, pada perbicaraan hari ke-25 kes rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan dana RM2.3 bilion milik 1MDB yang dihadapi Datuk Seri Najib Razak di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini.

Dalam keterangan Shahrol Azral sebelum ini, saksi itu memberitahu Mahkamah Tinggi bahawa bekas Pengarah dan Pengerusi 1MDB, Tan Sri Mohd Bakke Salleh, tidak berpuas hati dengan pembayaran sebanyak AS\$700 juta kepada akaun Good Star, yang juga syarikat sekutu PSI.

Ketika disoal balas peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah hari ini, Shahrol Azral menjelaskan bahawa hutang itu merujuk kepada perjanjian pinjaman ditandatangani 1MDB-PSI Ltd pada 25 September 2009 di mana ketika perjanjian, pengesahan syarikat usaha sama belum dimeterai.

"Perjanjian pinjaman AS\$700 juta itu dibuat antara 1MDB-PSI Ltd iaitu sebagai peminjam manakala PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd sebagai pembiutang.

"Kedua-dua perjanjian itu ditandatangani (merujuk dokumen) individu sama iaitu Ketua Pegawai Eksekutif PSI, Tarek Obaid," katanya.

Ketika ditanya sama ada saksi kesembilan itu tahu mengenai perjanjian pinjaman, Shahrol Azral menjawab "tidak tahu."

Menurutnya, beliau tidak pernah melihat perjanjian pinjaman itu sepanjang berkhidmat dengan 1MDB.

Shahrol Azral juga tidak bertanyakan mengenai perjanjian pinjaman itu kepada bekas Pengarah Eksekutif 1MDB, Cassey Tang Cheng Kee berikutan urusan berkenaan adalah tanggungjawab Cassey.

"Saya percaya, Casey akan memastikan perjanjian pinjaman AS\$700 juta yang ditandatangani 1MDB-PSI berada dalam keadaan seperti dikehendaki (sepatutnya).

"Cassey mempunyai pengalamannya yang luas. Jadi beliau akan memastikan semuanya mengikut peraturan," katanya.

Shahrol Azral turut mengesahkan bahawa Ahli Lembaga Pengarah 1MDB juga tidak pernah mengetahui berhubung perjanjian pinjaman ditandatangani 1MDB-PSI pada 29 September 2009.

Beliau bersetuju dengan Muhammad Shafee di mana sekiranya perjanjian pinjaman itu dikemukakan kepada Lembaga Pengarah, ia tidak akan dipersetujui.



Pejabat di London yang digunakan oleh Jho Low untuk syarikat pakaian dalam mewah akan dijual.

17. Pejabat Jho Low kendali syarikat pakaian dalam akan dijual

LOS ANGELES: Pejabat di London yang digunakan oleh Low Taek Jho atau Jho Low untuk syarikat pakaian dalam mewah akan dijual.

Penjualan dibuat meskipun ahli perniagaan yang dikehendaki itu akan melawan tuduhan Amerika Syarikat (AS) bahawa harta tanah berkenaan adalah antara yang dibeli dengan wang dicuri daripada dana 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

Pejabat itu, yang dibeli pada harga 42 juta pound (RM175.7 juta) pada 2014, selain sebuah penthouse dan pangsapuri berhampiran yang dibelinya di Stratton Street dalam kejiranan Mayfair pada 2010, akan dijual sebagai sebahagian tindakan undang-undang perlucutan hak pendakwa raya persekutuan Los Angeles terhadap harta tanah terbabit pada 2017.

Menurut pemfailan mahkamah, hasil penjualan itu akan menggantikan aset harta tanah ketika litigasi diteruskan.

Jho Low, adalah individu yang dikehendaki susulan kecurian berbilion dolar daripada 1MDB, yang ditubuhkan pada 2009 sebagai syarikat pembangunan milik kerajaan.

AS telah mengemukakan 30 tuntutan undang-undang perlucutan hak ke atas harta tanah, pelaburan, hasil seni dan barang kemas bernilai AS\$1.7 bilion (RM7.1 bilion) yang dibeli oleh Jho Low dan rakan sekutunya.

Pejabat di Stratton itu digunakan oleh Myla, syarikat pakaian dalam yang dikatakan dibeli oleh Jho Low menggunakan dana diambil daripada 1MDB.

Dalam satu e-mel dihantar olehnya daripada akaun Myla pada 2014, Jho Low memperkenalkan wakil Red Granite Pictures kepada eksekutif Myla untuk membuat susulan jika terdapat sebarang peluang untuk syarikat itu dalam industri perfileman.

Red Granite adalah syarikat penerbitan filem yang diasaskan bersama oleh Riza Aziz, anak tiri bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Tahun lalu, syarikat itu bersetuju membayar AS\$60 juta (RM251 juta) bagi menyelesaikan tuntutan ia membayai filem arahan Martin Scorsese, 'The Wolf of Wall Street' dan filem lain dengan wang 1MDB.

Jho Low dan Jabatan Keadilan awal tahun ini bersetuju menjual sebahagian harta di New York dan Los Angeles menerusi penjualan interlokutori, di mana wang menggantikan harta sebagai sasaran tindakan undang-undang perlucutan hak.



BEKAS Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi. NSTP/Zulfadhl Zulkifli

18. Najib adalah 1MDB, 1MDB adalah Najib - Shahrol Azral

KUALA LUMPUR: Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi menyifatkan Datuk Seri Najib Razak adalah 1MDB dan 1MDB adalah Najib.

Ia kerana apa saja yang dikehendaki bekas Perdana Menteri itu perlu disegerakan termasuk perjanjian usaha sama 1MDB dengan syarikat perkhidmatan dan pengeluaran minyak, PetroSaudi International Ltd.

Menurut Shahrol Azral, ia adalah antara punca beliau menandatangani perjanjian usaha sama terbabit tergesa-gesa kerana perkara yang berlaku dalam urusan syarikat adalah seperti yang dikehendaki Najib.

Sebagai CEO, katanya, beliau hanya menyempurnakan kehendak Lembaga Pengarah 1MDB dan apa yang Najib mahukan.

"Tidak wujud dalam pemikiran saya ia adalah di antara 1MDB dan Najib kerana 'Najib adalah 1MDB dan 1MDB adalah Najib.'

"Apa saja yang Najib mahukan, saya perlu menyelesaikannya," katanya.

Shahrol Azral turut memberitahu beliau tidak memasukkan nama ahli perniagaan dikehendaki polis, Low Taek Jho atau Jho Low dalam Minit Lembaga Pengarah 1MDB pada 2009 kerana beberapa perkara tertentu tidak diminitkan disebabkan ingin melindungi Najib.

Katanya, perkara itu adalah berhubung pembabitan Jho Low dalam memberi nasihat kepada 1MDB dan PetroSaudi International berkenaan usaha sama kedua-dua belah pihak.

"Saya masih ingat ketika proses (mesyuarat) membubarkan TIA (Lembaga Pelaburan Terengganu) yang kemudian ditukar kepada nama 1MDB.

"Dalam mesyuarat itu, Najib berkongsi mengenai 1MDB dan beliau mahukan 1MDB melakukan perkara yang berbeza dan meninggalkan cara lama. Najib mahu semuanya dilaksanakan segera dan pantas.

"Pada mesyuarat khas yang dihadiri pegawai kanan Kementerian Kewangan, Najib pernah menyatakan "saya (Najib) tidak akan memusnahkan negara," katanya.

Berikutan kenyataan itu, Shahrol Azral menjelaskan ia adalah antara punca kenapa beliau mempercayai Najib yang dapat dilihat melalui setiap keputusannya dalam syarikat itu.



Khamis 24 Oktober 2019

19. Teruskan perjanjian sebab 'bos' suruh laksanakan - Shahrol Azral

KUALA LUMPUR: Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, tidak memaklumkan kepada Ahli Lembaga Pengarah 1MDB berkaitan hutang AS\$700 juta yang mula efektif selepas perjanjian usaha sama ditandatangani dengan syarikat PetroSaudi International Ltd (PSI) pada 28 September 2009.

Keputusan itu dibuat berikutan beliau mendapat tekanan untuk menandatangani perjanjian itu selepas diberitahu oleh ahli perniagaan yang dikehendaki pihak berkuasa, Low Taek Jho atau Jho Low bahawa 'bos mahu perkara itu dilaksanakan'.

"Jadi saya buat keputusan untuk teruskan apa yang saya anggap arahan daripada Datuk Seri Najib Razak dan saya percaya ia akan berjaya kerana Jho Low dan Casey Tang (Pengarah Eksekutif 1MDB) bekerja mengikut arahan Najib.

"Persepsi saya ketika itu ia adalah bukan sesuatu yang biasa ... Saya tanya Casey okey ke nak tandatangan dan dia jawab 'okey', saya percaya nasihat dia," katanya.

Saksi pendakwaan kesembilan itu yang menjawab soalan peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah pada sesi pemeriksaan balas, menegaskan disebabkan jaminan oleh Jho Low dan Casey, beliau merasakan tidak perlu untuk memaklumkan kepada Lembaga Pengarah 1MDB.

Terdahulu, Shahrol Azral menjelaskan Ahli Lembaga Pengarah tidak mempersoalkan hutang AS\$700 juta yang berbangkit daripada perjanjian usaha sama itu.

Malahan, Shahrol Azral berkata, sebagai CEO ketika itu, beliau langsung tidak bertanyakan mengenai perjanjian pinjaman ketika dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah kerana mengikut apa yang diarahkan Jho Low.

"Tiada sebarang rundingan dibuat bersama Ahli Lembaga Pengarah berkenaan pinjaman AS\$700 juta," katanya.

Jelasnya lagi, Ahli Lembaga Pengarah juga tidak pernah melihat kertas pemilikan mengenai aset yang kononnya dimiliki PetroSaudi International Ltd.

"Najib ok dengan semua (berlaku) itu. Sebarang tindakan Jho Low dan Casey adalah berlandaskan persetujuan Najib.

"Disebabkan itu saya hanya mengikuti mereka tanpa memikirkan apa-apa," katanya.



Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1Malaysia Development Berhad (1MDB) Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi hadir pada Perbicaraan Kes Rasuah dan Pengubahan Wang Haram membabitkan dana 1MDB Datuk Seri Najib Razak di Mahkamah Tinggi, Jalan Duta.



BEKAS Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi.

20. Perjanjian usaha sama antara 1MDB, PSI dipinda - Shahrul Azral

KUALA LUMPUR: Beberapa perkara yang terkandung dalam perjanjian usaha sama di antara syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan PetroSaudi International Ltd (PSI) telah dipinda, Mahkamah Tinggi di sini, diberitahu.

Antara pindaan itu adalah membabitkan penukaran bank bagi perjanjian usaha sama iaitu daripada Banca Della Svizzera Italiana (BSI) kepada JP Morgan dan pembayaran berjumlah AS\$700 juta kepada PSI.

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, menyatakan bahawa beliau tidak mengetahui siapa yang mencadangkan pindaan itu, bagaimanapun bekas Pengarah Eksekutif 1MDB, Casey Tang mengemukakan perjanjian itu kepadanya untuk ditandatangani.

Shahrol Azral menjelaskan bahawa keseluruhan proses dokumentasi diuruskan oleh Tang dan turut membabitkan Jho Low, oleh itu beliau (saksi) berpuas hati kedua-dua individu itu sudah melakukan pemeriksaan sewajarnya.

Menurut saksi pendakwaan kesembilan itu, beliau turut bersetuju dengan pemecahan dana yang disuntik oleh 1MDB ke dalam perjanjian usaha sama berjumlah AS\$1bilion, iaitu AS\$700 juta untuk dibayar kepada PSI manakala bakinya dimasukkan ke dalam akaun usaha sama.

Bagaimanapun, dana AS\$700 juta itu dibayar terus kepada syarikat Good Star Ltd (syarikat dikatakan milik Jho Low) kerana kononnya ia adalah subsidiari PSI.

"Saya bersetuju dengan pecahan itu kerana beranggapan ia adalah betul, kerana biasanya Jho Low mendedahkan konsep itu kepada Datuk Seri Najib Razak, jadi pada masa itu saya berfikiran bahawa ia adalah sesuatu yang perlu dilakukan," katanya.

Shahrol Azral berkata demikian ketika menjawab soalan balas peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah pada hari ke-28 perbicaraan kes rasuah dan aktiviti pengubahan wang haram dana RM2.3 bilion 1MDB dihadapi Najib.



21. DoJ meterai perjanjian dengan Jho Low untuk kembali semula wang 1MDB

WASHINGTON: Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) memeterai perjanjian dengan ahli perniagaan Malaysia, Jho Low untuk memperoleh semula wang berjumlah hampir AS\$1 bilion (RM4.18 bilion) yang diselewengkan daripada dana pelaburan 1 Malaysia Development Berhad (1MDB).

Skandal global 1MDB adalah antara faktor yang menumbangkan kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak, memerangkap Wall Street dan mencetuskan siasatan di seluruh dunia.

Penyelesaian berkenaan difaikkan di mahkamah California, Rabu lalu.

Ia adalah kemenangan paling signifikan untuk Initiatif Pemerolehan Semula Aset Kleptokrasi DPJ sejak ditubuhkan hampir sedekad lalu untuk mencegah AS daripada dijadikan lubuk penyimpanan wang curi.

Perjanjian itu, jika diluluskan hakim persekutuan akan membantu kes rampasan yang dikaitkan dengan Jho Low, selaku perancang utama kecurian wang melebihi AS\$4 bilion (RM16.7 bilion) daripada 1MDB.

Wang itu digunakan bagi membeli sebuah jet peribadi, kapal layar mewah, rumah agam, berlian dan penerbitan filem Hollywood.

Ia bagaimanapun tidak mencakupi pengakuan bersalah atau salah laku, tetapi tetap tidak melepaskan Low daripada pertuduhan jenayah lain.

"Kami berbesar hati dapat membantu merundingkan penyelesaian bersejatah ini dalam usaha mengembalikan semula nilai aset terbabit.

"Ia adalah satu penyelesaian rampasan aset terbesar dalam sejarah perundangan AS dan menggambarkan kesediaan untuk memulangkan semula setiap aset yang dituntut DoJ," kata bekas gubernor New Jersey, Chris Christie dalam satu kenyataan.

Firma undang-undang milik Christie bertindak sebagai wakil kepada Low.

Menurut DoJ, aset yang terbabit dalam penyelesaian itu dianggarkan bernilai lebih daripada AS\$700 juta (RM2.9 bilion) dan mencakupi hotel butik mewah di Beverly Hills, California serta hartanah mewah di London dan New York.

Ia adalah tambahan kepada aset bernilai AS\$260 juta (RM1.08 bilion) yang dirampas lebih awal, termasuk kapal layar mewah.

Nilai sebenar kesemua aset berkenaan boleh menjadi lebih tinggi berdasarkan anggaran dalam tindakan undang-undang awal dan nilai akhir jualan.

Pengumuman pada Rabu oleh DoJ itu bagaimanapun tidak memperincikan apa yang akan berlaku pada kesemua aset berkenaan sekiranya dijual.